

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

# KERATAN AKHBAR KESUMA”

KHAMIS  
3 OKTOBER 2024



# MTUC gesa keseluruhan sistem gaji pekerja disemak

Oleh ARIF AIMAN ASROL  
aiman.asrol@mediamula.com.my

**KUALA LUMPUR:** Sistem gaji dan faedah pekerja di negara ini perlu dikaji bagi mengelak berlakunya krisis perlindungan sosial pada masa akan datang.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd. Effendy Abdul Ghani berkata, kerajaan dan majikan perlu melihat semula dasar-dasar berkaitan gaji dan perlindungan pekerja.

Menurut beliau, krisis simpanan pekerja di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menandakan wujud keperluan mendesak untuk kerajaan menyemak semula keseluruhan sistem.

Jelasnya, keadaan tersebut bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan pekerja pada masa kini tetapi turut menjejaskan masa depan mereka terutama dalam merealisasikan persaraan yang selesa dan terjamin.

“Gaji di Malaysia masih tidak seiring dengan kadar inflasi yang semakin meningkat. Struktur gaji yang tidak mengalami peningkatan yang signifikan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini telah menyebabkan kuasa beli pekerja merosot.

“Apabila gaji tidak dinaikkan mengikut kadar inflasi, pekerja bukan sahaja berdepan kesukaran untuk menampung kos kehidupan harian tetapi juga untuk menyimpang bagi tujuan persaraan melalui caruman seperti KWSP,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika di-



“Struktur gaji yang tidak mengalami peningkatan yang signifikan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini telah menyebabkan kuasa beli pekerja merosot.”

MOHD. EFFENDY  
ABDUL GHANI

hubung.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, struktur gaji rendah di Malaysia menjadi faktor utama jumlah simpanan KWSP yang tidak mencukupi.

Pengerusi KWSP, Tan Sri Mohd. Zuki Ali berkata, caruman yang tidak teratur, terutama dalam kalangan mereka yang menceburi ekonomi tidak formal atau ekonomi gig juga memburukkan lagi keadaan.

Perkara ini membimbangkan selepas Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan di bawah Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) melaporkan sebanyak 41 peratus rakyat Malaysia bergantung kepada simpanan KWSP mereka sebagai sumber pendapatan utama untuk persaraan.

pekerja di sektor ekonomi gig dan tidak formal, beliau berpandangan pekerja-pekerja itu kini tidak dilindungi.

Jelasnya, tanpa perlindungan kukuh dan struktur gaji yang lebih adil, jurang ketidaksamaan pendapatan akan terus melebar, dan masalah simpanan KWSP tidak mencukupi akan berlarutan.

“Penyedia perkhidmatan juga seharusnya mengambil tanggungjawab untuk mencarumkan sebahagian daripada hasil yang diterima oleh pekerja gig ke dalam KWSP. Ini penting kerana pekerja gig sering kali tidak mendapat perlindungan sosial yang mencukupi, termasuk simpanan untuk persaraan.

“Dalam situasi ini, majikan atau penyedia platform boleh memainkan peranan dengan menyumbang sebahagian daripada pendapatan pekerja gig ke KWSP. Misalnya, satu mekanisme boleh diperkenalkan di mana sebahagian kecil daripada pendapatan mereka secara automatik dimasukkan ke akaun KWSP pekerja.

“Ini akan membantu memastikannya mempunyai simpanan untuk masa depan walaupun mereka bekerja dalam sektor yang tidak formal,” jelasnya.

Tambahnya, angka ini bukan sahaja akan membantu pekerja gig membina tabung persaraan yang lebih stabil, tetapi juga akan memberi mereka perlindungan sosial yang lebih baik, terutama dalam menghadapi cabaran ekonomi dan ketidakpastian masa hadapan.

Bagaimanapun, hanya 34 peratus daripada ahli aktif KWSP di bawah usia 55 tahun menepati Kuantum Simpanan Asas yang menunjukkan setakat 30 Jun 2024 iaitu masih terdapat ramai tidak bersedia untuk persaraan.

Mengulas lanjut, Mohd Effendy berkata, pelarasan gaji minimum perlu dilakukan secara berkala dengan mengambil kira kadar inflasi dan kos sara hidup semasa, agar gaji pekerja selari dengan peningkatan harga barang dan perkhidmatan.

“Perkara tersebut boleh dicapai melalui kerjasama antara kerajaan dengan pihak majikan dan persatuan pekerja,” katanya.

Mengulas mengenai nasib



<b>Akhbar</b>	<b>Utusan Malaysia</b>
<b>Tarikh</b>	<b>3 Oktober 2024</b>
<b>Ruang</b>	<b>Dalam Negeri</b>
<b>Muka Surat</b>	<b>6</b>

## Gaji pekerja masih di takuk lama

**KUALA LUMPUR:** Majikan dicadang menggunakan kenaikan peratus inflasi sebagai panduan menaikkan gaji pekerja yang dilihat masih rendah dan tidak dapat menampung kos sara hidup.

Pensyarah Kanan di Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM), Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, peningkatan gaji pekerja di negara ini tidak seiring dengan peningkatan inflasi dan kos sara hidup.

Oleh itu, kata beliau, majikan seharusnya menggunakan peratusan inflasi sebagai panduan untuk menaikkan gaji pekerja supaya jumlah simpanan di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dapat ditingkatkan.

“Apabila ada kenaikan gaji, akan ada kenaikan caruman dan simpanan KWSP. Gaji diterima pekerja sekarang tidak seiring dengan kenaikan kos sara hidup, ia masih ditakuk lama dan majikan seperti kalau boleh tidak mahu menaikkan langsung gaji pekerja.

“Sepatutnya jika tahun ini inflasi meningkat sehingga tiga peratus, jadi majikan perlu naikkan juga tiga peratus gaji pekerja. Mereka seharusnya menggunakan peratusan inflasi sebagai ukuran,” katanya kepada Utusan Malaysia ketika dihubungi di sini, semalam.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan, struktur gaji rendah di Malaysia menjadi faktor utama jumlah simpanan KWSP yang tidak mencukupi.

Mengulas lanjut, Abu Sofian berkata, kumpulan majikan seperti tidak mempunyai sikap prihatin terhadap pekerjanya.

“Kalau boleh mereka mahu pekerja membuat kerja yang banyak tetapi mahu memberi bayaran sedikit. Ini tidak sepatutnya berlaku.

“Sepatutnya jika majikan menjaga kebaikan pekerja dengan baik, insya-Allah pekerjanya akan bekerja dengan lebih kuat, tekad serta produktif,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, kadar gaji minimum yang rendah menyebabkan kenaikan gaji tidak dapat menangani peningkatan kos sara hidup.



KEJAYAAN belia di Pertandingan Teknikal dan Kemahiran (WSC) penting dalam mengangkat profil aliran Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (TVET) dalam kalangan generasi muda di negara ini.

## Latihan teknikal dan vokasional penting dalam pasaran buruh

**BERMULA** dari 10 hingga 15 September lalu bandar Lyon, Perancis menjadi tuan rumah Pertandingan Teknikal dan Kemahiran (WSC) ke-47, hampir 30 tahun selepas menganjurkan pertandingan ke-33 pada 1995.

Pertandingan ini bertujuan mempromosikan kemahiran teknikal dan memaparkan kepentingannya terhadap kejayaan ekonomi.

Acara ini berlangsung beberapa minggu sebelum Sidang Kemuncak Masa Depan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan bertujuan meningkatkan persepsi antarabangsa terhadap Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (TVET) selain mengukuhkan sumbangan terhadap pembangunan mampan.

Oleh itu, beberapa Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) PBB boleh dicapai melalui pendidikan berkualiti (SDG 4) hasil daripada TVET, termasuk SDG 8 (kerja yang baik dan pertumbuhan ekonomi) serta SDG 13 (perlindungan perubahan iklim).

Untuk mencapai matlamat ini, kita memerlukan dasar nasional dan antarabangsa yang memuaskan dan kukuh.

TVET penting untuk menggalakkan kebolehsuaian pekerja serta integrasi profesional golongan muda dalam pasaran buruh yang semakin mencabar dan berdaya saing serta untuk menyokong inovasi dalam syarikat.

Peningkatan tahap kemahiran merupakan pemacu penting prestasi ekonomi untuk memenuhi keperluan pasaran buruh dan menggalakkan perkembangan pekerjaan yang sepadan dengan keperluan ekonomi.

Oleh itu, salah satu cabaran utama yang dihadapi TVET adalah kualiti dan perkaitan tawaran pendidikan, terutamanya dari segi

penjajaran dan penyesuaian berterusan kepada keperluan pasaran kerja.

Pada masa ini, inovasi yang didorong teknologi baharu dan kecerdasan buatan (AI) memerlukan pendidik dan pendidikan yang disesuaikan serta dikemas kini mengikut keperluan semasa.

Malaysia telah memilih TVET sebagai salah satu keutamaan untuk pembangunan bakatnya dalam semua bidang. Timbalan Menteri Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Liew Chin Tong, menekankan kepentingan dan keutamaan ini dalam bukunya bertajuk *Second Takeoff* (Permulaan Kedua). Oleh itu, TVET adalah teras Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030.

Pembangunan ekonomi yang inklusif, dengan tahap kemahiran dan gaji yang tinggi, memerlukan penjajaran teliti pendidikan, latihan dan perantisan mengikut keperluan industri dan wawasan masa depan.

Kerajaan Perancis serta institusinya di Malaysia, seperti Dewan Perniagaan dan Perindustrian Perancis di sini dan syarikat-syarikatnya yang ditubuhkan atau yang sedang mempertimbangkan pelaburan, sedia memberi sumbangan untuk mengambil bahagian dalam pembangunan bakat ini.

Ini adalah pendekatan kerjasama yang dinamik antara kedua-dua negara kita, untuk kemajuan dalam pendidikan dan latihan teknikal sumber manusia pada masa depan. Kualiti dan kemahiran mereka akan membolehkan kita menghadapi cabaran teknologi, ekonomi dan ekologi sedunia.

**NADIA JIHAD**

Timbalan Penasihat Akhbar  
Kedutaan Perancis di Malaysia

## Tingkat gaji minimum, bantu tambah caruman KWSP pekerja

Oleh ZAKKINA  
WATI AHMAD TARMIZI  
zakkina.tarmizi@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu meningkatkan kadar gaji minimum untuk caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pekerja yang lebih baik, sekali gus memberi peluang menambah simpanan persaraan.

Profesor Kewangan Dan Keusahawanan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Datuk Prof Dr. Nik Maheran Nik Muhammad berkata, pihak yang terlibat perlu bekerjasama dengan majikan untuk memastikan gaji minimum yang adil dan sesuai dengan kos sara hidup semasa.

"Peningkatan gaji minimum juga boleh meningkatkan kesejahteraan pekerja dan produktiviti secara keseluruhan.

"Selain caruman wajib daripada gaji bulanan, pekerja boleh digalakkan untuk membuat caruman tambahan secara sukarela ke dalam akaun KWSP mereka.

"Langkah ini boleh dilakukan melalui insentif cukai atau kem-



**STRUKTUR** gaji rendah menjadi faktor utama simpanan KWSP rakyat negara ini tidak mencukupi. - GAMBAR HIASAN

pen kesedaran yang memberi penekanan kepada kepentingan menambah simpanan persaraan. Jika individu mempunyai lebih pendapatan, mereka boleh memanfaatkan skim ini untuk meningkatkan simpanan persaraan mereka," katanya ke-

tika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Jelas Nik Maheran, kebanyakan pekerja, terutamanya dalam kalangan mereka yang berpendapatan rendah, tidak menyedari kepentingan merancang persaraan.

"Oleh itu, pendidikan kewa-

ngan yang berfokus kepada pengurusan simpanan dan perancangan persaraan amat penting.

"Usaha Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) memperkenalkan program literasi kewangan yang mendidik pekerja tentang cara-cara untuk meningkatkan simpanan, melabur dan memastikan mereka mempunyai pendapatan yang mencukupi apabila bersara sangat membantu," katanya.

Mengulas lanjut, Nik Maheran berkata, selain KWSP, kerajaan boleh memperkenalkan skim perlindungan sosial lain yang memberi sokongan kepada mereka yang berpendapatan rendah, seperti pencen asas atau bantuan persaraan.

"Skim ini boleh memberikan sokongan tambahan kepada golongan yang tidak mampu menambah simpanan persaraan mereka melalui caruman KWSP sahaja. Dengan adanya perlindungan sosial yang lebih kukuh, risiko kemiskinan dalam kalangan pesara dapat dikurangkan.

"Bagi pekerja yang berpendapatan rendah, peluang untuk

mendapatkan pekerjaan sampingan atau sumber pendapatan alternatif seperti perniagaan kecil-kecilan atau ekonomi gig boleh dipromosikan. Dengan adanya pendapatan tambahan, pekerja dapat menambah simpanan KWSP atau melaburkan sebahagian pendapatan untuk persaraan mereka," katanya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr. Mohamad Fazli Sabri berkata, kerajaan boleh menyediakan satu pelan atau Elaun Sara Hidup (COLA) kepada pekerja sektor swasta terutama pekerja gig bagi melindungi hak dan kebajikan mereka.

"Sekiranya ada, mungkin (elaun) ini akan membantu menaikkan taraf kehidupan mereka sekali gus menambah caruman kepada simpanan mereka kepada KWSP.

"Saya melihat perkara ini agak baik sekiranya dilaksanakan kerana keadaan sara hidup yang agak tinggi ini akan memberi mereka menjana peluang yang lebih baik," katanya.

# NHCCE 2024 rekod pencapaian luar biasa

Platform utama menyokong strategi pembangunan modal insan

Oleh FARAH SHAZWANI ALI  
KUALA LUMPUR

Pengajaran Persidangan dan Pameran Modal Insan Kebangsaan (NHCCE) 2024 merekodkan pencapaian luar biasa dengan penyertaan 4,000 perwakilan dan 30 penceramah terkenal dari seluruh dunia. Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Azman Mohd Yusof berkata, program itu turut melibatkan kira-kira 300 pempamer dengan jumlah pengunjung yang mengagumkan iaitu 16,500 orang sepanjang tiga hari berlangsung.

Menurutnya, kejayaan itu membuktikan ia kekal sebagai platform utama untuk menyokong strategi pembangunan modal insan yang segar dan inovatif setiap tahun.

"Tahniah Human Resource Development Corporation (HRD Corp) kerana menjadikan NHCCE 2024 sebagai tempat berkumpul untuk berbilang, berdebat dan menentukan tindakan terbaik dalam pembangunan modal insan pada masa hadapan.

"Ia membuktikan program ini sebagai platform dalam memastikan perkembangan kepimpinan dalam pembangunan modal insan bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh Asia Tenggara.

"Wawasan dan perkaitan yang terjalin di sini sudah pasti akan menjadi pemangkin untuk pertumbuhan masa depan, memacu Malaysia ke hadapan ketika kita bersedia untuk menyandang jawatan Pengerusi ASEAN pada 2025," katanya.


Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian penutup Persidangan dan Pameran Modal Insan Kebangsaan (NHCCE) 2024 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), di sini pada Rabu.

NHCCE 2024 menampilkan lebih 30 tokoh terkemuka bidang modal insan, pengamal sumber manusia dan pakar dalam bidang masing-masing.

Antaranya ialah wartawan yang juga



Azman (dua dari kiri) menyampaikan anugerah kepada pemenang pempamer terbaik disaksikan oleh Shahul pada (NHCCE) 2024 yang diadakan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) pada Rabu.



"Satu-satunya harapan kami di HRD Corp ialah semua di sini akan kembali dan menjadi agen perubahan dalam organisasi sendiri dan menyebarkan pengetahuan yang diperoleh."

- Shahul Dawood

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Zeteo, Mehdi Hasan; jurulatih eksekutif terkenal dunia dan pengarang popular, John Mattone; Pengerusi ROI Institute, Inc, Dr Jack J Phillips, penceramah utama antarabangsa, Dr Justin Cohen dan Pakar Strategi Inovasi dan pengarang popular, Shawn Kanungo.

Jelas Azman, tema NHCCE 2024 iaitu 'Menginsankan AI untuk tenaga kerja masa depan' bukan sahaja sesuai pada hari ini, tetapi untuk beberapa dekad yang akan datang.

"Saya percaya perbincangan bermanfaat yang diadakan sepanjang tiga hari lalu akan memainkan peranan besar dalam membentuk cara pengamal HR (sumber manusia) akan menggunakan AI (kecerdasan buatan) untuk membentuk semula tenaga kerja dan meningkatkan keseluruhan ekosistem pembangunan modal insan," katanya.

Beliau berkata, AI sering dikenali sebagai pedang bermata dua tetapi perbincangan sejak beberapa hari lalu telah mengingatkan kita bahawa manusia, melalui empati, kreativiti dan kompas moral akan memacu inovasi dibantu oleh potensi AI.

"Inilah sebabnya mengapa empati, tanggungjawab, integriti, dan ketahanan adalah nilai-nilai yang harus kita pertahankan dan tingkatkan. Ini adalah nilai-nilai yang akan membawa kita ke masa depan yang lebih baik."

"Ia memberikan tumpuan dalam membina pengetahuan yang komprehensif tentang cara AI harus digunakan untuk membina tenaga kerja sedia masa hadapan tanpa mengabaikan prinsip keterangkuman, etika dan kepimpinan," jelasnya.

## Agensi perubahan dalam organisasi

Sementara itu, Ketua Eksekutif HRD Corp, Datuk Shahul Dawood berkata, organisasi berkenaan sentiasa berhasrat untuk membawa wacana modal insan ke tahap yang lebih tinggi.

Jelasnya, semua topik yang dibentangkan di peringkat utama NHCCE dan kawasan aktiviti menangani persoalan penting iaitu cara memanusiakan dan mengoptimalkan AI untuk tenaga kerja masa depan.

"Satu-satunya harapan kami di HRD Corp ialah semua di sini akan kembali dan menjadi agen perubahan dalam organisasi sendiri dan menyebarkan pengetahuan yang diperoleh. Inilah cara kami merevolusikan pembangunan modal insan Malaysia dan rantau ini.

"Persidangan ini lebih daripada sekadar perbincangan dan perhimpunan. Ia juga bertindak sebagai sudut pandang persimpangan antara AI dan kecerdasan manusia, jadi AI boleh menambah usaha manusia dan bukannya menggantikannya.

"Bagi pihak jawatankuasa penganjur, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong dan Ketua Setiausaha, Datuk Azman Mohd Yusof dan semua yang menghadiri serta mengambil bahagian dalam NHCCE 2024," katanya.

## REAKSI

“

Peserta dapat banyak pengetahuan mengenai penggunaan AI dalam memperbaiki proses kerja dan melonjakkan lagi perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi."

- Ketua Pegawai Program HRD Corp, Soffian Mohamed Amin

“

Ramai mahu kan platform begini yang membincangkan topik mengenai sumber manusia dan aspek dalam pembangunan modal insan."

- Ketua Komunikasi Korporat HRD Corp, Hazrina Azzidin

“

Banyak yang saya dapat terutamanya tentang undang-undang dalam skop kerja dan kelebihan AI. Saya melihat AI agak mencabar dan satu keperluan untuk masa depan."

- Peserta, Ong Kim Choo, 49

“

Sangat bagus kerana ia membuka pandangan daripada banyak organisasi di Malaysia tentang AI. Pada masa depan, AI banyak memudahkan kerja dan mempercepatkan tugasan harian serta menambah produktiviti dalam organisasi."

- Peserta, Mohamed Dzul Haiqal Dzul Fattah, 33

“

Setiap tahun kami tidak pernah ketinggalan menyertai program ini sebagai pempamer. Sepanjang program, kami melihat prospek dan berinteraksi serta berkongsi tentang pengetahuan pembangunan tentang modal insan."

- Pempamer, P. Kumarenthiran, 42



Peserta yang menyertai NHCCE 2024 yang diadakan di MITEC pada Rabu.

FAHMI SEDIA JADI PERANTARA

# Segera lunas tunggakan gaji

Bernama

Busan

**M**enteri Komunikasi Fahmi Fadzil menggesa organisasi media yang menghadapi isu tunggakan gaji peugas supaya segera menyelesaikan bayaran terbabit.

Beliau menyifatkan tindakan tidak membayar gaji pengamal media selama beberapa bulan sebagai sesuatu yang tidak boleh diterima sama sekali.

"Saya berpendapat, ini tidak sepatutnya berlaku, organisasi media terbabit wajib melunaskan tunggakan gaji kepada pekerja," katanya ditemui, di sini, se-



FAHMI (tengah) mengadakan pertemuan bersama Ketua Pegawai Eksekutif Busan Cinema Centre, Kim Jae Hin dalam Lawatan Kerja ke Korea Selatan, semalam.

malam.

Fahmi dalam lawatan kerja ke Korea Selatan selama tiga hari bermula 30 September.

Katanya, beliau juga bersedia menjadi perantara bagi pihak pengamal media dan majikan masing-masing untuk mencari penyelesaian terbaik dalam isu terbabit.

Sebelum ini, Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJM) dan Gerakan

Media Merdeka (Geramm) menggesa pihak majikan yang mewakili pengamal media 'The Malaysian Insight' dan 'The Vibes' untuk segera melunaskan tunggakan gaji yang tidak dibayar selama beberapa bulan.

Menurut mereka, perkara ini jelas adalah satu bentuk penindasan yang mencerminkan kelemahan pengurusan di pihak majikan itu sendiri. - Bernama

**"Saya berpendapat, ini tidak sepatutnya berlaku, organisasi media terbabit wajib melunaskan tunggakan gaji kepada pekerja**

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil

'NOT APPROPRIATE'

# PAY SALARY ARREARS, FAHMI TELLS MEDIA COMPANIES



Communications Minister Fahmi Fadzil speaking to reporters in Busan, South Korea, yesterday. He is on a three-day working visit to the country. BERNAMA PIC

Minister willing to act as intermediary between media practitioners and employers

## BUSAN

COMMUNICATIONS Minister Fahmi Fadzil wants media organisations that owe salary arrears to their respective workers to immediately settle their payments.

He described the act of not paying the salaries of media practitioners for several months as totally unacceptable.

"This is not appropriate, media organisations are obliged to settle salary arrears of their workers," he said here yesterday.

Fahmi is on a three-day work-

ing visit to South Korea starting from Sept 30.

He said he was willing to act as an intermediary on behalf of media practitioners and their respective employers to find the best solution to the issue.

Earlier, the National Union Journalists of Malaysia and Gerakan Media Merdeka urged the employers of news portals The Malaysian Insight and The Vibes to immediately settle the salary of journalists that had not been paid for several months.

The media practitioners' organisations alleged that the matter was a form of oppression, and thus reflected the weakness of management on the part of the employers themselves.

The *New Straits Times* had also reached out to The Malaysian Insight editor-in-chief Jahabar Sadiq and Petra Group chairman Datuk Vinod Sekhar, who is also the founder of The Vibes, for comments and is awaiting their response. **Bernama**